**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1.0** | (a) | **Jawatan** | : | **PEGAWAI TADBIR GRED N41** |
| | (b) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Dan Profesional |
| | (c) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan |
| 1.1 | (a) | Tanggagaji - Gred N41 | : | -RM2,080.00 (minimum) – RM9,546.00 (maksimum) |
| | (b) | Elaun | : | - Elaun Khidmat Awam RM300.00<br>- Imbuhan Tetap Perumahan RM300.00<br>- Bantuan Saraan Hidup RM300.00 |

1.2 Syarat Lantikan:

(i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji Permulaan N41: RM2,080.00)

ATAU

(ii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji Permulaan N41: RM2,080.00)

ATAU

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; DAN

(Gaji Permulaan N41: RM2,283.43)

(iv) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

1.3 Diskripsi Tugas : Membantu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam urusan perundangan, memberi nasihat perundangan, mewakili Majlis di mahkamah dan mengendalikan lain-lain tugas yang berkaitan dengan perundangan. Mahir dalam bidang perundangan sivil dan syariah adalah satu kelebihan.

1.4 Taraf Jawatan : Tetap

## 2.0 CARA MEMOHON

(a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.

(b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.

(c) Permohonan yang berikut akan ditolak:

(i) Tidak menggunakan borang permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(ii) Tidak lengkap atau tidak terang.

(iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

2.1 PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA:

**Setiausaha**
**Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**
**Tingkat 8 & 9, Menara UMNO**
**No.128, Jalan Macalister**
**10400 PULAU PINANG**

pada atau sebelum **7 November 2017**

**Catatan Am**

(a) Hanya calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil temuduga.

(b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

(c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri;

(d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

(e) Keutamaan akan diberi kepada anak negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.